

05 APR 2002

Abdullah-Umno

UMNO KELANTAN TIDAK HADAPI MASALAH, KATA ABDULLAH

JELI, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Umno Kelantan tidak menghadapi masalah dan dakwaan bahawa terdapat usaha menjatuhkan Datuk Mustapa Mohamed daripada jawatan pengerusi badan perhubungan Umno Kelantan hanyalah khabar angin.

Timbalan Perdana Menteri berkata berdasarkan siasatan yang dibuatnya, laporan kononnya ada ketua-ketua bahagian Umno ingin menggulingkan Mustapa didapati tidak benar dan sebaliknya ia timbul hasil khabar angin yang disebar oleh musuh Umno.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata kemelut Umno Kelantan yang heboh diperkatakan itu dengan ini telah selesai dengan Mustapa kekal memimpin Umno Kelantan bagi menghadapi PAS pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya mencadangkan untuk membenam dan menghapuskan isu ini, sebaik-baiknya ialah (oleh) pihak Umno Kelantan sendiri, biarlah semua mesyuarat bahagian yang sedang berjalan mengambil ketetapan menyokong penuh Datuk Mustapa yang telah menyatakan kesediaannya untuk terus memimpin Umno Kelantan," katanya kepada pemberita di sini.

"Maka dengan usaha itu Umno Kelantan akan dilihat benar-benar bersatu padu dan menyokong pemimpinnya supaya tidak ada perkara spekulasi yang lain akan timbul," katanya.

Abdullah berkata khabar-khabar angin melibatkan cerita negatif seperti itu boleh memberi keuntungan kepada pembangkang khususnya PAS yang akan menjaja bahan berita itu dalam usaha mengekalkan pemerintahan di Kelantan.

"Parti pembangkang memang suka buat apa saja supaya kita ini berbalah dan bergaduh. Kalau ada khabar angin yang menunjukkan dalam parti ada pergaduhan, perbalahan, PAS akan memperbesarkannya supaya jika ada kacau, jadi besar lagi kacanya. Mereka pun akan suka dan bergembira dengan keadaan kita kerana tujuan mereka ialah untuk melemahkan kita," katanya.

Sebuah akhbar melaporkan minggu lepas bahawa 12 daripada 14 ketua bahagian Umno Kelantan telah berpakat untuk menggulingkan Mustapa dan beberapa anggota jawatankuasa Umno negeri kerana dianggap tidak mampu menandingi PAS bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Abdullah berkata bagi mengelak perkara itu berulang maka semua anggota dan pemimpin Umno perlu berkerjasama dan tidak terbabit dalam menyebarkan sesuatu berita angin.

"Kalau kita ingin menjayakan cita-cita parti untuk memang pada pilihan raya maka kita perlu hentikan cakap-cakap atau cuba menyebarkan khabar angin yang hanya boleh melemahkan parti kita. Kalau kita bantu sebar khabar angin ini, maka khabar angin ini akan menjadi lebih kencang lagi dan lebih meributkan keadaan. Semua terpulang kepada kita," katanya.

Mengenai laporan bahawa bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dipanggil oleh Badan Pencegah Rasuah untuk membantu siasatan kes penyelewengan projek Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Abdullah berkata perkara itu tidak harus diperbesarkan.

"Saya harap juga janganlah diperbesarkan mengenai Datuk Annuar Musa, macam-macam dikatakan bahawa dia ditangkaplah, kata rumah dia diambil alih, macam-macam cerita saya dah dengar. Ini semua cerita orang yang tak suka kepada beliau terutama dari parti pembangkang," katanya.

Abdullah berkata parti pembangkang suka mengambil kesempatan daripada laporan itu termasuk membuat telahan yang tidak benar mengenai Annuar

sedangkan perkara itu masih dalam siasatan.

"Annuar sebenarnya menerima siasatan itu dengan baik. Malahan beliau memberitahu Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) bahawa beliau menerima baik siasatan itu sebagai menghormati undang-undang negara."

Terdahulu, Abdullah ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Jeli di sini, berkata isu mengenai kepimpinan Mustapa bermula apabila ketua-ketua bahagian di Kelantan mula membincangkan usaha mencari calon sesuai untuk menggantikan Mustapa ekoran laporan kononnya Mustapa akan meletakkan jawatan berikutan komitmen kerja di peringkat kebangsaan.

Menurutnya, apabila perkara itu diajukan kepada Mustapa bagi kesahihan, beliau menafikan akan meletak jawatan dan sebaliknya menyatakan ingin terus memimpin Umno Kelantan.

Abdullah berkata Dr Mahathir yang diberitahu berhubung perkara itu pada Rabu lepas turut memberi restu kepada Mustapa untuk terus mengemudi Umno Kelantan berdasarkan rekod cemerlangnya.

"Sebenarnya tidak ada niat di kalangan mana-mana ketua bahagian atau mana-mana pihak dalam parti untuk menjatuhkan kepimpinan Umno Kelantan sekarang. Malahan jika Datuk Mustapa kekal memimpin Umno Kelantan tidak ada siapa yang akan menggantinya," katanya.

Abdullah turut menasihati anggota Umno untuk mengambil iktibar daripada perkara itu dengan merapatkan hubungan supaya tidak berlaku lagi sebarang salah faham selain berhati-hati dengan "kilang-kilang berita angin" yang antaranya dibuat sendiri oleh anggota Umno hingga memburukkan imej parti.

Beberapa orang ketua bahagian Umno Kelantan turut menghadiri majlis itu.

Sementara itu, Abdullah turut mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua bahagian dan wakil bahagian Umno Kelantan yang hadir bagi membincangkan perkembangan terkini Umno negeri.

-- BERNAMA
RAR MOZ